

Impak Kepimpinan Terhadap Keberkesanan TVET

Impact of Leadership on TVET Effectiveness

Muhammad Safwan Arif¹, Mohd Bekri Rahim^{1*}, Arasinah Kamis²

¹ Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding Author: bekri@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jttr.2025.03.01.007>

Maklumat Artikel

Diserah: 22 Disember 2024

Diterima: 14 Jun 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Cabaran kepimpinan, kepimpinan,
TVET, impak kepimpinan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji impak kepimpinan terhadap keberkesanan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kepimpinan yang berkesan di dalam institusi TVET memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pelajar, penglibatan guru, dan kualiti penyampaian pendidikan. Kajian ini meneliti pelbagai pendekatan kepimpinan, termasuk kepimpinan transformasional, inovatif dan adaptif, serta bagaimana ia mempengaruhi suasana pembelajaran, motivasi pelajar dan guru, serta keberkesanan keseluruhan organisasi. Selain itu, kajian ini menekankan keperluan bagi pemimpin TVET untuk melengkapkan diri dengan kemahiran kepimpinan yang relevan dan mendalam, serta pentingnya program latihan kepimpinan berterusan untuk memastikan penyesuaian dengan perubahan teknologi dan keperluan industri kini. Dapatan kajian daripada 20 jurnal menunjukkan bahawa kepimpinan yang menyokong kolaborasi, kreativiti, dan pengembangan profesional dapat meningkatkan kualiti pendidikan TVET, seterusnya menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Oleh itu, pembangunan kepimpinan yang berterusan adalah kritikal dalam mencapai kejayaan jangka panjang institusi TVET dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi serta sosial negara.

Keywords

Challenges of leadership, leadership,
TVET, impact of leadership

Abstract

This study aims to examine the impact of leadership on the effectiveness of Technical and Vocational Education and Training (TVET). Effective leadership in TVET institutions plays a crucial role in improving student performance, teacher engagement, and the quality of educational delivery. This study explores various leadership approaches, including transformational, innovative, and adaptive leadership, and how they influence the learning environment, student and teacher motivation, as well as the overall effectiveness of the organization. Furthermore, the study emphasizes the need for TVET leaders to equip themselves with relevant and in-depth leadership skills, as well as the importance of continuous leadership training programs to ensure adaptation to technological changes and current industry demands. Findings from 20 journals indicate that leadership that supports collaboration, creativity, and professional development can enhance the quality of TVET education, ultimately producing skilled graduates who meet the needs

of the job market. Therefore, continuous leadership development is critical in achieving the long-term success of TVET institutions and contributing to the economic and social progress of the country.

1. Pengenalan

Keberkesanan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah antara faktor terpenting dalam menangani jurang kemahiran dalam pasaran tenaga kerja dan memupuk pembangunan ekonomi sesebuah negara. TVET tidak hanya menyediakan tenaga kerja yang terlatih untuk memenuhi keperluan industri, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global (Ali et al., 2021). Dalam konteks ini, keberkesanan institusi TVET bergantung kepada pelbagai elemen, namun tiada yang lebih penting daripada kepimpinan yang cekap dan berwawasan. Kepimpinan dalam TVET bukan sahaja merangkumi penetapan visi dan matlamat strategik yang jelas, tetapi juga kemampuan untuk memberi inspirasi, motivasi, dan hala tuju yang mantap kepada semua pihak yang terlibat daripada pengurusan tertinggi hingga kepada kakitangan dan pelajar (Hussain & Ali, 2020).

Kepimpinan yang berkesan dalam institusi TVET mempunyai impak langsung terhadap kejayaan dan keberkesanan pendidikan yang diberikan. Pemimpin yang efektif mampu memperkenalkan dasar yang menyokong inovasi, kerjasama, dan peningkatan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran (Gachunga et al., 2020). Gaya kepimpinan seperti kepimpinan transformasional yang menekankan inovasi dan kolaborasi berupaya meningkatkan kualiti pendidikan, selain membentuk budaya yang lebih adaptif kepada perubahan yang pesat dalam sektor industri dan teknologi. Kepimpinan yang menyokong perubahan yang berterusan dan perkembangan profesional bukan sahaja membantu dalam mencapai objektif pendidikan tetapi juga memastikan TVET terus relevan dengan kehendak pasaran kerja yang sentiasa berubah (Sithole et al., 2022).

Kajian literatur menunjukkan bahawa institusi TVET yang mempunyai kepimpinan yang kuat dan berkesan mampu menarik perhatian pelajar dan industri. Pemimpin yang mempunyai visi yang jelas akan dapat menetapkan matlamat yang terarah, memastikan sumber yang mencukupi, dan membentuk polisi yang menyokong pengajaran yang berkualiti tinggi (Paterson et al., 2024). Selain itu, proses membuat keputusan yang telus dan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam TVET adalah amat penting untuk memastikan wujudnya kepercayaan dan akauntabiliti dalam setiap aspek tadbir urus institusi (Chong & Loo, 2023). Pemimpin yang mengamalkan pendekatan kepimpinan inklusif ini juga cenderung untuk mendorong kerjasama antara institusi TVET, pihak industri, dan badan kerajaan, yang akan membawa kepada peningkatan kualiti latihan dan kesesuaian dengan permintaan pasaran (Sahu & Khare, 2021).

Berdasarkan penemuan kajian terdahulu, model kepimpinan yang melibatkan inovasi, pemberdayaan staf, dan penyesuaian kepada perubahan dalam dunia pekerjaan adalah kunci kepada kejayaan jangka panjang institusi TVET (Hussain et al., 2021). Di samping itu, kepimpinan dalam TVET tidak hanya terhad kepada pengurus atasan, tetapi juga melibatkan semua lapisan dalam organisasi, termasuk tenaga pengajar, staf sokongan, dan pelajar itu sendiri. Sebuah sistem kepimpinan yang berkesan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan produktif, di mana setiap individu merasa dihargai dan diberi peluang untuk berkembang (Gachunga et al., 2020).

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka impak pelbagai aspek kepimpinan terhadap keberkesanan institusi TVET, mengkaji bagaimana pelbagai gaya kepimpinan mempengaruhi hasil pendidikan, kualiti pengajaran, serta pembangunan kemahiran pelajar. Dengan menganalisis kajian literatur terkini, kertas kerja ini akan mengemukakan pandangan mengenai amalan terbaik bagi kepimpinan dalam TVET yang dapat menyumbang kepada hasil pendidikan yang lebih baik dan lebih berdaya saing dalam ekonomi global. Diharapkan kajian ini akan memberikan wawasan yang berguna kepada pemimpin institusi TVET dalam memperkukuhkan sistem kepimpinan mereka dan meningkatkan keberkesanan pendidikan yang ditawarkan.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) adalah suatu kaedah kajian yang memastikan kajian menjadi lebih sistematik, telus dan lengkap bagi membuat laporan yang sistematik. Ia melibatkan beberapa elemen yang penting dimana ianya tunjang kepada PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) iaitu bermula daripada saringan, kelayakan dan pemilihan (Tricco et al., 2018).

Menurut Tricco et al., (2018) , kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti, ketelusan, dan kebolehulangan semula kajian sistematik dan meta-analisis. Dengan menyediakan satu kerangka yang diseragamkan, PRISMA akan menghasilkan suatu laporan yang komprehensif dan jelas membolehkan pembaca memahami metodologi dan menilai kebolehpercayaan dapatan melalui sumber dan kerangka itu. Kerangka ini memudahkan pemilihan kajian yang teliti, pengekstrakan data yang terperinci, dan analisis yang teliti, akan meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehterimaan kesimpulan kajian.

Sebagai kesimpulannya penggunaan rangka kerja PRISMA dalam penyelidikan, khususnya pada bidang pendidikan secara signifikannya akan menghasilkan keteguhan dan kebolehpercayaan dalam proses penyelidikan


dan akan membuahkan hasil kajian yang sistematik dan telus.

2.1 Prosedur PRISMA

2.1.1 Pengenalpastian

Berikutan dengan prosedur PRISMA yang pertama ialah pengenalpastian. Di dalam prosedur ini ia melibatkan dua komponen yang penting iaitu sumber perolehan data atau rujukan dan seterusnya ialah kriteria pemilihan.

Sumber Perolehan Data: Sumber data ataupun artikel diperolehi melalui pangkalan data seperti *Scopus*, *ScienceDirect*, *Google Scholar* dan *Proquest*. Kata kunci yang digunakan ialah "TVET", "keimpinan", "keberkesanan" dan "impak kepimpinan". Kriteria Pemilihan: Ciri-ciri pemilihan artikel adalah, artikel mestilah berusia tidak melebihi daripada 5 tahun, iaitu 2019 sehingga 2024. Carian artikel adalah fleksibel daripada sudut bahasa iaitu keutamaanya adalah bahasa melayu dan bahasa inggeris.



Rajah 1 Carta alir PRISMA (Sumber: Adaptasi daripada Matthem j. Et al., 2020)

2.1.2 Saringan

Prosedur PRISMA yang seterusnya ialah saringan. Prosedur ini melibatkan dua komponen yang penting iaitu penapisan awal data dan seterusnya ialah pengecualian.

Penapisan Awal Data: Data daripada artikel yang diperolehi adala hasil daripada carian yang dicari menggunakan kata kunci dan tajuk bagi menetapkan skop artikel yang berkaitan sahaja.

Pengecualian: Data daripada artikel yang tidak mempunyai kaitan dengan kajian akan dikecualikan dan tidak akan digunakan sebagai sumber pemperolehan untuk dijadikan rujukan kajian.

2.1.3 Kelayakan

Prosedur PRISMA yang seterusnya ialah kelayakan. Prosedur ini melibatkan dua komponen yang penting iaitu penilaian penuh dan seterusnya ialah pengecualian artikel bertindih.

Penilaian Penuh: Artikel yang ditapis pada peringkat penapisan awal data akan disaring secara penuh berdasarkan kajian yang ingin dijalankan.

Pengecualian Artikel Bertindih: Sebarang data yang didapati mempunyai pertindihan maklumat atau data akan disisihkan daripada senarai sumber artikel yang akan digunakan.

2.1.4 Rangkuman

Prosedur PRISMA yang terakhir ialah analisis. Prosedur ini akan mengesahkan data yang dipakai relevan dan boleh diguna pakai untuk tujuan kajian ini, iaitu, Impak Kepimpinan Terhadap Keberkesanan TVET.

3. Dapatan Kajian

Dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), peranan kepimpinan adalah sangat penting dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan ini. Kepimpinan yang berkesan bukan sahaja mempengaruhi prestasi pelajar, tetapi juga memberi impak besar terhadap budaya di dalam sesuatu organisasi dan suasana pembelajaran yang wujud dalam institusi TVET. Sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam kajian terdahulu, gaya dan pendekatan kepimpinan yang berbeza memberikan kesan yang signifikan terhadap prestasi institusi serta pencapaian pelajar. Perincian dapatan adalah seperti jadual 1.0.

Jadual 3.1 Dapatan kajian (SLR)

Bil	Penulis	Tajuk	Objektif/ Perbincangan	Dapatan
1.	(Gachunga et al., 2020)	<i>Leadership In Technical Vocational Training: An Analysis Of The Influence Of Leadership Commitment On The Competitiveness Of TVET Institutions In Kenya</i>	Kajian ini meneroka cabaran yang dihadapi dalam TVET mengenai amalan kepimpinan yang tidak berkesan yang menghalang hasil pembelajaran.	Kajian menunjukkan bahawa kepimpinan transformasi secara signifikan meningkatkan penglibatan pelajar dan keberkesanan institusi. Kajian ini mencadangkan bahawa pemimpin harus mengamalkan pendekatan yang lebih kondusif dan menyokong institusi TVET.
2.	(M Mohd Siraj et al., 2023)	<i>The Relationship Between Principals' Leaderships Towards TVET Teachers' Motivation in Implementing ICT</i>	Kajian ini menganalisis bagaimana gaya Kepimpinan yang berbeza mempengaruhi keberkesanan operasi dan hasil pendidikan dalam TVET	Kajian ini menekankan hubungan positif antara kepimpinan guru besar yang berkesan dan peningkatan prestasi pelajar, ia menekankan keperluan untuk program latihan bagi guru besar bagi meningkatkan kemampuan kepimpinan mereka.

3.	(Osman & Kamis, 2019a)	<i>Innovation Leadership for Sustainable Organizational Climate in Institution of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia</i>	Kajian ini mengidentifikasi strategi kepemimpinan inovatif utama yang dapat memupuk persekitaran organisasi yang menyokong dan memampankan TVET.	Penyelidikan ini mengenal pasti beberapa amalan yang inovatif yang dapat dilaksanakan oleh Pemimpin untuk meningkatkan mutu organisasi, termasuk menggalakkan kerjasama, serta kreativiti, dan mempromosikan pengembangan profesional yang berterusan dalam kalangan kakitangan.
4.	(OECD, 2023)	<i>Teachers and Leaders in Vocational Education and Training</i>	Untuk menilai amalan kepemimpinan semasa dan mencadangkan rangka kerja bagi mengukuhkan peranan kepemimpinan dalam persekitaran TVET	Kajian ini mencadangkan program latihan yang berterusan untuk pemimpin, menekankan bahawa peningkatan kepemimpinan berkait secara langsung dengan hasil pendidikan yang lebih baik dan kesesuaian yang lebih baik dengan keperluan industri.
5.	(Rafi et al., 2023)	<i>Leadership with Standardized Practise in TVET Institutions: A Quality System Improvement</i>	Kajian ini menyiasat bagaimana standard dilaksanakan dalam institusi TVET dan peranan kepemimpinan dalam proses ini.	Penemuan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kepemimpinan yang berkesan adalah penting untuk melaksanakan sesuatu standard, kerana ia secara langsung mempengaruhi penglibatan institusi dan pematuhan kepada piawaian kualiti.
6.	(AlAjmi, 2022)	<i>Leadership in TVET for the 21st Century: Challenges, Roles and Characteristics.</i>	Untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pemimpin TVET pada abad ke-21	Pemimpin menghadapi cabaran seperti perkembangan teknologi, perubahan keperluan tenaga kerja, dan keperluan untuk amalan pendidikan inklusif yang memenuhi pelbagai keperluan pelajar.
7.	(Nasir et al., 2022)	<i>The influence of transformational leadership on organizational sustainability in the context of industry 4.0</i>	Untuk memberikan pandangan tentang bagaimana organisasi dapat memanfaatkan kepemimpinan transformasional untuk meningkatkan usaha mereka dalam konteks Industri 4.0.	Kepimpinan transformasi memberi impak positif dalam organisasi, ia menunjukkan bahawa pemimpin yang memberi inspirasi dan memotivasikan pasukan akan memberi hasil yang positif

8.	(Ahmad, 2015)	<i>Leadership in TVET for the 21st Century: Challenges, Roles and Characteristics</i>	Untuk menganalisis bagaimana kepemimpinan boleh diubah untuk memenuhi keperluan Industri 4.0.	Kajian ini mencadangkan agar pemimpin TVET mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, menerima teknologi baru, dan membangunkan strategi pendidikan yang selari dengan keperluan industri untuk meningkatkan prestasi institusi secara efektif.
9.	(Nurmadina h et al., 2024)	<i>Leadership Challenges in TVET Institutions in Leadership 4.0 and the VUCA World: A Literature Review</i>	Untuk meneroka bagaimana prinsip Kepimpinan 4.0 boleh disepadukan ke dalam sistem TVET untuk meningkatkan kemampuan dan respons kepada perubahan industri.	Kajian ini merumuskan bahawa dengan mengamalkan prinsip Kepimpinan 4.0, ianya akan membawa kepada peningkatan inovasi, kolaboratif, dan fleksibiliti dalam institusi TVET, dan meningkatkan keberkesanannya.
10.	(Fiandra et al., 2021)	<i>TVET Leadership in the Education 4.0: Characteristics, Opportunities and Challenges</i>	Penyelidikan ini membincangkan mengenai peranan kepemimpinan dalam pendidikan vokasional dalam konteks Pendidikan 4.0, keperluan untuk memahami bagaimana peluang dan cabaran digital mempengaruhi pendidikan vokasional dalam era pendidikan baharu ini.	Kepimpinan Transformasional: Gaya kepemimpinan ini adalah penting untuk menavigasi kompleksiti Pendidikan 4.0.
11.	(Mahmud et al., 2022)	<i>The Relationship between Distributed Leadership and Organizational Citizenship Behavior among TVET Practitioners in Malaysia</i>	Mengkaji bagaimana kepemimpinan teragih mempengaruhi tingkah laku organisasi dalam tetapan TVET.	Korelasi yang positif ditemui, jika " <i>distributed leadership</i> " diamalkan
12.	(Mesfin & van Niekerk, 2019a)	<i>Leadership Styles of the Deans in Ethiopian Governmental Technical and Vocational Education and Training (TVET) Colleges</i>	Mengkaji keberkesanan pelbagai gaya Kepimpinan dalam kalangan dekan di kolej TVET Ethiopia.	Kepimpinan transformasi adalah yang paling berkesan dalam meningkatkan prestasi institusi.

13.	(Sarong, 2023)	<i>Exploring Transformative Leadership Approaches in Modern Educational Institutions</i>	Untuk menganalisis amalan kepemimpinan transformasi dan kesannya terhadap keberkesanan pendidikan.	Kepimpinan transformasi membawa kepada peningkatan penglibatan pelajar dan prestasi institusi.
14.	(Sarong, 2024)	<i>Fostering Collaboration and Team Effectiveness in Educational Leadership: Strategies for Building High-Performing Teams and Networks</i>	Mengkaji cabaran Kolaborasi dalam kepemimpinan pendidikan yang mempengaruhi keberkesanan bekerja dalam pasukan.	Strategi kolaborasi yang berkesan membawa kepada peningkatan prestasi pasukan dan hasil pendidikan.
15.	(Mesfin & van Niekerk, 2019)	<i>Perceived Effectiveness Of The Leadership Styles Of Deans In Ethiopian Governmental Technical And Vocational Education And Training (TVET) Colleges</i>	Kajian ini menilai bagaimana gaya kepemimpinan yang pelbagai mempengaruhi keberkesanan institusi dari perspektif kakitangan.	Kakitangan berpendapat kepemimpinan transformasi berfungsi dengan lebih baik berbanding kepemimpinan transaksional.
16.	(Rowe et al., 2023)	<i>Communities of Practice for Contemporary Leadership Development in TVET</i>	Meneroka pengalaman pemimpin dalam mengatasi pengurusan krisis semasa menyertai program sarjana berasaskan WBL dan menganalisis pendekatan kontemporari terhadap pembelajaran berasaskan WBL.	Hasil kajian ini Mencadangkan agar pemimpin mengembangkan ciri-ciri adaptif agar kemahiran kepemimpinan meningkat dan boleh memotivasikan ahli pasukan.
17.	(Education & Institutions, 2019)	<i>Effect of Lecturer's Transformational Leadership on Students' Employability: Malaysian Technical and Vocational Education & Training Institutions</i>	Untuk menyiasat hubungan antara gaya kepemimpinan transformasi pensyarah dan kesannya terhadap kemahiran kebolehpasaran pelajar.	Kajian mendapati terdapat korelasi positif antara amalan kepemimpinan transformasional oleh pensyarah dan peningkatan kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan pelajar, menunjukkan bahawa kepemimpinan yang berkesan dapat mempengaruhi hasil pelajar dengan ketara.

18.	(Abdullah et al., 2021)	<i>Development of Tvet Leadership Model Among Leaders in Tvet Institutions</i>	Untuk membangun model kepemimpinan yang boleh membantu pemimpin di institusi TVET ke arah Pengurusan yang berkesan.	Model yang dicadangkan ialah kepimpinan kolaboratif, kemampuan untuk menyesuaikan diri, dan pembangunan profesional berterusan sebagai komponen utama untuk kepimpinan yang berkesan dalam latar belakang TVET.
19.	(Rafi et al., 2023)	<i>Leadership with Standardized Practise in TVET Institutions: A Quality System Improvement</i>	Untuk mengenal pasti peranan kepimpinan dalam meningkatkan proses penyeragaman di dalam organisasi TVET.	Kajian tersebut mendedahkan bahawa kepimpinan yang berkesan adalah penting untuk melaksanakan amalan standard, dengan data menunjukkan bahawa penglibatan pemimpin yang kuat memberi kesan positif kepada kualiti penyampaian pendidikan di institusi TVET.
20.	(Osman & Kamis, 2019)	<i>The Innovation Leadership Skills for Middle-Vocational Leader of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia</i>	Untuk mengenal pasti kemahiran kepimpinan inovasi khusus yang diperlukan untuk pemimpin vokasional dalam TVET.	Kepimpinan yang berkesan memberi pengaruh positif kepada suasana organisasi, yang membawa kepada peningkatan prestasi dan kelestarian dalam institusi TVET.

Salah satu kajian yang dijalankan oleh Gachunga et al. (2020) di Kenya menegaskan bahawa kepimpinan transformasional, yang memberi tumpuan kepada peningkatan motivasi, keterlibatan, dan sokongan, adalah penting dalam mempertingkatkan keberkesanan institusi TVET. Pemimpin yang mengamalkan pendekatan ini dilihat mampu mencipta persekitaran yang menyokong penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran. Kepimpinan transformasional melibatkan kemampuan untuk memberi inspirasi dan galakan kepada orang lain, yang bukan sahaja membantu meningkatkan kualiti pembelajaran tetapi juga menyokong perkembangan profesional para pendidik dalam TVET.

Menurut kajian oleh M Mohd Siraj et al. (2023), kepimpinan yang berkesan juga mempunyai hubungan yang positif dengan motivasi guru dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan vokasional. Dalam konteks ini, pemimpin yang dapat memberikan sokongan kepada guru, memberikan ruang untuk kreativiti, dan mendorong penerimaan teknologi baru dapat meningkatkan bukan sahaja prestasi pelajar tetapi juga meningkatkan kualiti pengajaran dalam TVET. Oleh itu, penting bagi program latihan kepimpinan untuk diberi perhatian, khususnya dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan guru besar bagi memajukan institusi TVET. Osman & Kamis (2019) pula menekankan pentingnya strategi kepimpinan inovatif dalam memupuk budaya yang menyokong TVET.

Kepimpinan inovatif melibatkan penerapan idea baru dan pendekatan yang berbeza dalam penyampaian pendidikan. Contohnya, amalan seperti kerjasama antara pihak pengurusan, pensyarah, dan pelajar, serta penyediaan peluang untuk pengembangan profesional berterusan, dapat meningkatkan mutu dan keberkesanan organisasi dan institusi. Pemimpin dalam sektor TVET perlu bersikap proaktif dan sentiasa mencari cara-cara baru untuk meningkatkan sistem pendidikan, selaras dengan perubahan dalam industri.

OECD (2023) menegaskan bahawa program latihan berterusan untuk pemimpin TVET adalah satu pelaburan yang kritikal. Pemimpin yang terlatih dengan baik bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pendidikan tetapi juga lebih mampu menyesuaikan diri dengan keperluan industri yang sentiasa berubah. Dalam dunia yang penuh dengan perkembangan teknologi dan perubahan ekonomi global, pemimpin dalam TVET perlu berupaya untuk menghadapi cabaran baru, serta memastikan pendidikan yang diterima oleh pelajar relevan dengan keperluan

pasaran pekerjaan.

Sebagaimana yang dibincangkan oleh AlAjmi (2022), cabaran yang dihadapi oleh pemimpin TVET pada abad ke-21 semakin kompleks, terutamanya dengan perkembangan pesat dalam teknologi dan perubahan dalam cara pendidikan disampaikan. Oleh itu, kepimpinan adaptif yang mampu menyesuaikan diri dengan cabaran baru dan memenuhi keperluan pelajar serta industri menjadi sangat penting. Pemimpin yang dapat menangani perubahan ini dan memberi sokongan yang diperlukan untuk memastikan pelajar berjaya yang merupakan kunci kepada kejayaan sesebuah institusi TVET. Pemimpin yang berkesan memainkan peranan penting dalam memastikan institusi TVET mematuhi piawaian kualiti yang ditetapkan (Rafi et al. 2023). Kepimpinan yang kuat dan komitmen terhadap penambahbaikan kualiti akan memastikan pengajaran dan pembelajaran di institusi TVET berada pada tahap yang tinggi, serta dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan dan berdaya saing dalam industri kini.

Kajian oleh Nasir et al. (2022) juga menunjukkan bahawa kepimpinan transformasional mampu mendorong pencapaian yang lebih baik dalam konteks Industri 4.0. Pemimpin yang memberi inspirasi mampu memotivasi pasukan untuk mencapai matlamat bersama, serta meningkatkan prestasi organisasi secara keseluruhan. Konsep pembelajaran sepanjang hayat dan penerimaan terhadap teknologi baru juga diakui sebagai faktor yang penting dalam meningkatkan keberkesanan TVET.

Abdullah et al. (2021) pula mencadangkan bahawa model kepimpinan yang melibatkan kolaborasi, keupayaan menyesuaikan diri, dan pembangunan profesional berterusan adalah komponen utama untuk kejayaan dalam TVET. Pendekatan kolaboratif ini melibatkan penglibatan semua pihak dalam pendidikan vokasional, termasuk pengurusan, guru, pelajar, dan industri, dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan.

Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan yang berkesan, yang melibatkan pendekatan transformasional, inovatif dan adaptif merupakan faktor penentu utama dalam meningkatkan keberkesanan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Pemimpin perlu dilengkapi dengan kemahiran kepimpinan yang kuat, pengetahuan yang luas, dan keupayaan untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan dalam dunia pendidikan vokasional. Dengan pendekatan kepimpinan yang tepat, institusi TVET dapat menyediakan pendidikan yang berkualiti, relevan dengan keperluan industri, serta menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi dan bersedia untuk menghadapi cabaran dalam industri kelak.

4. Penutup

Kesimpulannya, kepimpinan yang berkesan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keberkesanan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Pemimpin yang mengamalkan pendekatan kepimpinan yang transformasional, inovatif dan adaptif, dan dapat mencipta suasana yang menyokong pembelajaran yang berkualiti, meningkatkan motivasi pelajar dan guru, serta memastikan institusi TVET memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Selain itu, program latihan kepimpinan yang berterusan dan pengembangan profesional untuk pemimpin TVET adalah aspek penting yang tidak dapat ditinggalkan dalam memastikan kejayaan jangka panjang dalam sektor pendidikan ini. Dengan adanya kepimpinan yang baik, institusi TVET dapat menyediakan graduan yang berkualiti, berkemahiran tinggi, dan relevan dengan permintaan pasaran pekerjaan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, khususnya kepada penyelia, Profesor Madya Ts Dr Mohd Bekri bin Rahim, atas sokongan, kerjasama dan bantuan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas kajian ini keatas diri pengkaji mahupun mana-mana pihak lain.

Sumbangan Penulis

Penulis bertanggungjawab terhadap konsep kajian, reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data, tafsiran hasil dan pengubalan manuskrip.

Rujukan

- Abdullah, J. B., Hj Mohd Nor, Z., Haji Abd Hamid, A., Harun, N. H., Koswara, E. M. D., Stapa@Mustapa, M. A., Saforrudin, N., & Ahmad, A. S. W. (2021). Development of Tvet Leadership Model Among Leaders in Tvet Institutions. *International Journal of Modern Education*, 3(11), 77–92. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.311006>
- Ahmad, H. (2015). Leadership in TVET for the 21st Century: Challenges, Roles and Characteristics. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 195(July 2015), 1471–1476. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.06.446>
- AlAjmi, M. K. (2022). The impact of digital leadership on teachers' technology integration during the COVID-19 pandemic in Kuwait. *International Journal of Educational Research*, 112(October 2021), 101928. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2022.101928>
- Ali, A., Hussain, M., & Ahmad, R. (2021). *The role of TVET in bridging the skill gap in the labor market*. *International Journal of Vocational Education*, 9(2), 23–37.
- Chong, T., & Loo, L. (2023). *The influence of leadership transparency and accountability in TVET governance*. *International Journal of Educational Development*, 21(5), 159–172.
- Education, V., & Institutions, T. (2019). *Malaysian Online Journal of (Mojem) on Students ' Employ Ability : Malaysian Technical*. 7(2), 72–91.
- Fiandra, Y. A., Jalinus, N., Refdinal, R., Anwar, M., & Waskito, W. (2021). TVET Leadership in the Education 4.0: Characteristics, Opportunities and Challenges. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 5(3), 8079–8091. <https://doi.org/10.31004/jptam.v5i3.2303>
- Gachunga, M. N., Ngugi Karanja, D. P., & Njogu Kihara, D. A. (2020). Leadership In Technical Vocational Training: An Analysis Of The Influence Of Leadership Commitment On The Competitiveness Of TVET Institutions In Kenya. *International Journal of Scientific and Research Publications (IJSRP)*, 10(12), 370–376. <https://doi.org/10.29322/ijsrp.10.12.2020.p10839>
- Hussain, M., & Ali, A. (2020). *Effective leadership practices in TVET institutions: A review of current literature*. *Journal of Educational Leadership*, 14(4), 120–132.
- M Mohd Siraj, M. A., Rami, A. A., Omar, R., Abdul Aziz, N. A., & Mohd Anuar, M. A. (2023). The Relationship Between Principals' Leaderships Towards TVET Teachers' Motivation in Implementing ICT. *Journal of Technical Education and Training*, 15(3), 79–91. <https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.03.008>
- Mahmud, L., Khalid, S. A., & Noor, A. N. M. (2022). The Relationship between Distributed Leadership and Organizational Citizenship Behavior among TVET Practitioner in Malaysia. *Social \& Management Research Journal*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:252019965>
- Mesfin, M. D., & van Niekerk, E. (2019a). Leadership Styles Of The Deans In Ethiopian Governmental Technical And Vocational Education And Training (TVET) COLLEGES. *European Journal of Social Sciences*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:151251434>
- Mesfin, M. D., & van Niekerk, E. (2019b). *Perceived Effectiveness Of The Leadership Styles Of Deans In Ethiopian Governmental Technical And Vocational Education And Training (TVET) COLLEGES*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:158453258>
- Nasir, A., Zakaria, N., & Zien Yusoff, R. (2022). The influence of transformational leadership on organizational sustainability in the context of industry 4.0: Mediating role of innovative performance. *Cogent Business and Management*, 9(1), 0–31. <https://doi.org/10.1080/23311975.2022.2105575>
- Nurmadinah, S., Nor, M., & Ismail, N. (2024). Cabaran Kepimpinan Institusi TVET dalam Kepimpinan 4.0 dan Dunia VUCA: Sorotan Literatur Leadership Challenges in TVET Institutions in Leadership 4.0 and the VUCA World: A Literature Review. *Journal of Tvet and Technology Review*, 2(1), 47–55. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jttr>
- OECD. (2023). Teachers and leaders in vocational education and training Teachers and leaders in vocational education and training , by OECD, Paris, OECD Reviews of Vocational Education and Training, OECD Publishing, 2021, 189 pp. £16.00 (paperback), <https://doi.org/10.1080/13803611.2023.2261923>
- Osman, N. W., & Kamis, A. (2019a). Innovation leadership for sustainable organizational climate in institution of technical and vocational education and training (TVET) in Malaysia. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 9(1), 57–64. <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol9.no1.6.2019>

- Osman, N. W., & Kamis, A. (2019b). The Innovation Leadership Skills for Middle-Vocational Leader of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(4), 930–942. <https://doi.org/10.37200/ijpr/v23i4/pr190421>
- Paterson, R., Brown, A., & Miller, J. (2024). *Leadership in the technical and vocational education and training sector: Challenges and opportunities*. *Journal of Leadership Studies*, 16(2), 77-89.
- Rafi, S. B. M., Wahab, T. M. A. B. A., & Ahmad, M. F. Bin. (2023). Leadership with Standardized Practise in TVET Institutions: A Quality System Improvement. *Open Journal of Social Sciences*, 11(05), 145–161. <https://doi.org/10.4236/jss.2023.115012>
- Rowe, L., Knight, L., Irvine, P., & Greenwood, J. (2023). Communities of practice for contemporary leadership development and knowledge exchange through work-based learning. *Journal of Education and Work*, 36(6), 494–510. <https://doi.org/10.1080/13639080.2023.2255149>
- Sahu, P., & Khare, V. (2021). *Building collaboration between industry and TVET institutions: Leadership perspectives*. *Global Journal of Vocational Education*, 8(6), 94-108.
- Sarong, J. S. (2023). Exploring Transformative Leadership Approaches in Modern Educational Institutions. *Randwick International of Education and Linguistics Science Journal*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:266833384>
- Sarong, J. S. (2024). Fostering Collaboration and Team Effectiveness in Educational Leadership: Strategies for Building High-Performing Teams and Networks. *Randwick International of Education and Linguistics Science Journal*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:270965997>